

Tsunami biru BN gempur pembangkang di KL
MalaysiaKini.com
10 Julai, 2012
Oleh Aidila Razak

Pemuda BN melancarkan siri ceramah Pentas Pemuda yang mana Ketua Pemudanya Khairy Jamaluddin berkata ia boleh mencetuskan gelombang tsunami untuk merampas semula kerusi dalam pilihan raya umum akan datang.

NONE Menurut Khairy, majlis di Wangsa Maju itu merupakan parlimen pertama daripada lapan bahagian yang menjadi fokus Pemuda selama dua minggu, di mana BN hanya memenangi satu kerusi daripada 11 kerusi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

"Kita tak mahu jadi jaguh kampung, di luar bandar BN kuat. Pembangkang kata KL kubu kuat pembangkang jadi kita pilih pentas pemuda pertama di Wangsa maju. Nak beri isyarat (kepada Pakatan) kawasan di KL tak selamat, menang tipis. Lembah Pantai tipis, Titiwangsa tipis.

NONE "Tranformasi Datuk Seri Najib sejak 2008 bermakna tsunami baru dalam pilihan raya akan datang," katanya di hadapan lebih 300 hadirin yang rata-ratanya memakai kemeja BN.

Khairy berkata BN tidak harus "hilang punca" dengan kekalahan Kuala Lumpur, sebaliknya menjadikannya sebagai satu kayu ukur demi kejayaan BN dalam pilihan raya umum akan datang.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/203188>